

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN
ABD. KADIR [SETIU]**

SOALAN NO.508

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status terkini pemberian kuota solar sebanyak 200 MW kepada IPTA-IPTA seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Cadangan pemberian kuota solar sebanyak 200MW kepada IPTA-IPTA tidak akan dilaksanakan kerana Kerajaan mahu institusi pengajian tinggi memberikan tumpuan sepenuhnya kepada aktiviti *core business* iaitu sebagai gedung ilmu bagi menghasilkan graduan yang berkualiti. Kuota solar tersebut telah digabungkan menjadi sebahagian daripada kuota yang ditawarkan melalui proses pembidaan terbuka dan kompetitif bagi Program *Large Scale Solar Pusingan Ketiga (LSS3)* sebanyak 500MW sebagaimana yang telah diumumkan Kerajaan pada bulan Februari 2019.

Sekian, terima kasih.